

KERTAS KERJA

DISEDIAKAN OLEH :

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

dakwah4all_perak@yahoo.com



EMAIL : dakwah4perak@yahoo.com

MENZIARAH ORANG SAKIT

dakwah4perak@gmail.com

- **Adab-Adab Berziarah Orang Sakit**

Islam adalah agama yang mementingkan persaudaraan dan menghubungkan silaturrahim. Perkara ini sangat dituntut oleh Islam malah memutuskan silaturrahim merupakan perkara yang ditentang keras oleh syara'. Oleh itu, menjadi keutamaan ke atas setiap muslim supaya menziarahi saudaranya yang sedang sakit. Sabda Rasulullah saw :

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) : عُوذُوا الْمَرِيضَ وَأَطْعِمُوا الْجَائِعَ،
وَفُكُّوا الْعَانِي - رواه البخاري

Terjemahannya : Dari Musa r.a katanya ; Rasulullah saw bersabda : Ziarahlah orang sakit, beri makanlah orang yang kelaparan dan merdekakanlah tawanan.

Allah SWT telah menyediakan ganjaran-ganjaran yang berganda-ganda ke atas orang yang menziarahi orang sakit. Sabda Rasulullah saw :

وَعَنْ ثَوْبَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ النَّبِيِّ (ص) قَالَ : إِنَّ الْمُسْلِمَ إِذَا عَادَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ لَمْ يَزَلْ
فِي خُرْفَةِ الْجَنَّةِ حَتَّى يَرْجِعَ، قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ وَمَا خُرْفَةُ الْجَنَّةِ؟ قَالَ : جَنَاهَا - رواه مسلم

Terjemahannya : Dari Thauban r.a dari Nabi saw sabdanya : Sesungguhnya orang-orang Islam itu apabila ia menziarahi saudaranya yang sakit, sentiasalah ia berada di dalam khurfah (tempat penuaian) syurga hingga ia kembali. Lalu Rasulullah saw ditanya : Wahai Rasulullah, apa dia khurfah (tempat penuaian) syurga itu? Baginda menjawab : Iaitu tempat di syurga yang buah-buahannya tunggu dipetik sahaja.

Sabdanya lagi :

وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ (ص) يَقُولُ : مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَعُودُ مُسْلِمًا غُدُوَّةً إِلَّا صَلَّى عَلَيْهِ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ حَتَّى يُمْسَى، وَإِنْ عَادَهُ عَشِيَّةً صَلَّى عَلَيْهِ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ حَتَّى يُصْبِحَ وَكَانَ لَهُ خَرِيفٌ فِي الْجَنَّةِ - رواه الترمذی

Terjemahannya : Dari Ali r.a katanya, saya mendengar Rasulullah saw bersabda : Tiada seorang Muslim pun yang menziarahi saudaranya Muslim yang sakit di waktu pagi, melainkan ada 70 000 malaikat yang mendoakannya supaya memperoleh rahmat Allah hingga orang itu berada di situ di waktu petang dan jika orang itu menziarahinya di waktu petang, lalu 70 000 malaikat yang mendoakannya supaya ia peroleh rahmat Allah hingga orang itu berada di situ di waktu pagi, juga orang itu akan memperoleh tempat buah-buahan yang menunggu dipetik di dalam syurga.

Orang-orang Islam sangat digalakkan supaya menziarahi saudaranya yang ditimpa kemalangan dan kesusahan terutamanya yang sakit hendak mati. Beberapa adab tertentu telah ditetapkan. Di antara adab-adab ketika menziarahi orang sakit hendak mati ialah :

1. Orang yang menziarahinya itu hendaklah duduk berdekatan dengan kepala si sakit kerana sebuah hadis Nabi saw yang diriwayatkan oleh An-Nasaei :

كَانَ النَّبِيُّ (ص) : إِذَا عَادَ مَرِيضًا جَلَسَ عِنْدَ رَأْسِهِ - رواه انسائي و ابن ماجه

Terjemahannya : Bahawa Baginda Rasulullah saw menziarahi orang sakit dan Baginda duduk dekat dengan kepala pesakit.

2. Membaca doa supaya segera sembuh penyakit yang dialaminya. Sebaik-baiknya membaca doa ini diulangi 7 kali dan doa ini selalu dibaca oleh Rasulullah iaitu :

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ وَيُعَافِكَ

Terjemahannya : Aku memohon dari Engkau wahai Tuhan Yang Maha Besar dan Tuhan Yang Memiliki 'Arasy Yang Mulia supaya menyembuh dan memberi kesihatan kepada engkau.

3. Tidak bertengkar dan berbuat bising di hadapannya.
4. Memberi kata-kata perangsang atau nasihat kepadanya supaya bersabar, sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah saw :

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ النَّبِيَّ (ص) : دَخَلَ عَلَى أَعْرَابِيٍّ يَعُودُهُ، وَكَانَ إِذَا دَخَلَ عَلَى مَنْ يَعُودُهُ قَالَ لَا بَأْسَ طَهُورٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ - رواه البخاري

Terjemahannya : Daripada Ibni 'Abbas r.a katanya : Bahawasanya Nabi saw masuk ke tempat seorang Arab (Badwi) untuk melawatnya yang sedang sakit, apabila Nabi masuk ke tempat orang itu, lalu beliau mengucapkan "tiada apa-apa, ini sebagai pencuci dosa-dosa, Insya Allah".

5. Jangan duduk terlalu lama di sisinya kerana duduk lama itu adalah membawa kepada jemu si pesakit atau menyebabkan si pesakit kurang masa rehatnya.
6. Setelah duduk di sisinya, peganglah tangannya, dahinya dan bertanyakan khabar bagaimana sakitnya dan bagaimana kedudukannya.
7. Zahirkan simpati kepadanya seolah-olah kita juga merasa sebagaimana ia merasakannya.
8. Jangan makan makanan yang dihadiahkan orang kepadanya atau makanan yang disediakan untuknya kerana apabila dimakan maka hilanglah pahala ziarah itu. (Bahrul Mazi Jilid 7 Masalah 8)

- **Perkara-Perkara Yang Perlu Dilakukan Oleh Orang Yang Sedang Sakit**

Orang yang sedang sakit, sunat ia melakukan perkara-perkara berikut :

1. Banyak berzikir, zikirnya adalah seperti berikut :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ لَا حَوْلَ وَ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

2. Banyakkan bertaubat dan bersabar.

- **Hukum Menziarahi Orang Sakit**

Menziarahi orang sakit itu hukumnya sunat kerana dapat menghiburkan hatinya sedangkan penghiburan kepada orang sakit itu menjadi penawar. Menurut sebuah hadis Rasulullah saw bersabda :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ النَّبِيُّ (ص) : حَقَّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ خَمْسٌ : رَدُّ السَّلَامِ، وَعِيَادَةُ الْمَرِيضِ، وَاتِّبَاعُ الْجَنَائِزِ، وَإِجَابَةُ الدَّعْوَةِ، وَتَشْمِيتُ الْعَاطِشِ. - رواه أحمد دان أبو داود

Terjemahannya : Dari Abu Hurairah r.a, Nabi SAW bersabda : Kewajiban seorang Islam terhadap orang Islam lain 5 perkara : menjawab salam, menziarahi orang sakit, menghantar jenazah ke kubur, menghadiri jemputan dan mendoakan rahmah kepada orang bersin.

- **Tanda-Tanda Hampir Mati**

- I. Antara tanda-tandanya :

1. Pada seluruh sendinya renggang.

2. Hidungnya tundun (layu).
3. Tapak kakinya lurus (menurun).
4. Pelipisnya lengkuk.
5. Mukanya jernih berkilat.

II. Bila tanda-tanda di atas didapati dan si pesakit sudah tidak ada harapan untuk sembuh maka :

1. Sunat diajar kalimah tauhid sekali-sekala, jangan kerap-kerap supaya ia mendengar dengan jelas dan akan turut mengucap sama.
2. Sunat dibaca surah Yasin di hadapannya.
3. Hendaklah diberi minum jika ia dahaga ketika nazak.
4. Sunat disugikan giginya semoga memudahkan keluar rohnya.
5. Sunat dihadapkan mukanya kearah kiblat. Kepalanya ditinggikan sedikit di atas bantal.

TAKZIAH

- **Makna Takziah**

Sebagai agama yang lengkap lagi sempurna, Islam telah mengatur adab-adab yang perlu diikuti apabila ada kematian, antaranya ialah sunat mengucapkan takziah kepada keluarga si mati.

Takziah ialah menyuruh dan menyatakan kepada keluarga si mati agar bersabar, menyebutkan janji pahala kepada orang yang bersabar dan memohon agar pahala kesabaran itu berlipat ganda banyaknya.

- **Hukum Bertakziah**

Di dalam kitab Mughni Al-Muhtaj jilid yang pertama di muka surat 428 menyatakan : menurut ulama, Syafi'eyah, sunat mengucapkan takziah kepada keluarga si mati sebelum mayat tersebut dikuburkan kerana ketika itu keluarga si mati dalam keadaan sedih dan gelisah. Walau bagaimanapun yang lebih baik ucapan takziah tersebut dilakukan setelah mayat dikuburkan kerana sebelum menanam mayat itu ahli keluarga si mati dalam keadaan sibuk membuat segala urusan pengkebumian.

Menurut para ulama', sunat mengucapkan takziah itu dalam lingkungan 3 hari sebab menurut kebiasaannya kesusahan itu tidak lebih dari 3 hari. Maka **makruh** hukumnya jika ucapan takziah itu dilakukan lebih daripada 3 hari kerana dikhuatiri selepas 3 hari itu akan memperbaharui kesedihan keluarga si mati semula.

Lafaz takziah itu :

أَعْظَمَ اللَّهُ أَجْرَكَ وَأَحْسَنَ عَزَائِكَ وَغَفَرَ لِمَيِّتِكَ

Terjemahannya : Semoga Allah memberikan kepadamu pahala yang berganda, mengelokkan kelembutan hatimu dan mengampunkan orang yang mati dari kalangan kamu.

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH

- **Mati**

Mati ialah terputusnya perhubungan di antara roh dan jasad. Sebenarnya mati merupakan perpindahan pertama bagi manusia dari alam dunia menuju ke alam akhirat.

Menurut Imam Ar-Razi bahawa mati dan tidur itu adalah daripada jenis yang sama, cuma mati itu terputus nyawa secara zahir dan batin daripada badan manusia, manakala tidur pula terputus nyawa secara zahir dari badan manusia sahaja tidak daripada batinnya.

- **Kewajipan Terhadap Jenazah**

Apabila berlaku kematian ke atas orang Islam selain dari mati syahid, maka wajib atas orang yang hidup menyempurnakan 4 perkara iaitu :

1. Memandikan
2. Mengapankan
3. Menyembahyangkan
4. Mengkebumikan

Keempat-empat perkara wajib disempurnakan oleh orang-orang yang tinggal dalam sesebuah kampung atau tempat mayat itu secara Fardhu Kifayah. Ertinya, jika ada segolongan orang yang menyempurnakan perkara-perkara itu, maka terlepaslah dosa semua orang tetapi jika tidak maka berdosalah semua orang di tempat itu.

- **Hikmah Menyempurnakan Mayat**

Di antara hikmahnya :

1. Untuk memberi penghormatan terakhir kepada saudaranya yang telah pergi menemui Tuhannya.
2. Untuk menunjukkan simpati orang hidup terhadap keluarga si mati.
3. Untuk memberi kesedaran bahawa semua yang hidup tetap akan mati juga.
4. Untuk memohon ke hadrat Allah supaya dicucuri rahmah dan keampunan kepadanya.

MEMANDIKAN MAYAT

Syarat diwajibkan memandi mayat itu ialah :

1. Mayat itu orang Islam.
2. Mayat itu ada tubuh atau anggota walaupun sedikit.
3. Bukan mati syahid.

Rukun Mandi jenazah ialah meratakan air yang suci keseluruh jasadnya yang zahir setelah dihilangkan najis pada tubuh jenazah itu

Sekurang-kurangnya cara yang wajib bagi memandikan mayat itu ialah menjiraskan air yang meratai seluruh badan mayat sesudah dihilangkan najis yang ada pada badan mayat itu tetapi cara baiknya ialah seperti berikut :

1. Meletakkan mayat itu di atas tempat yang agak tinggi sedikit dan terlindung dari pandangan ramai.
2. Digantikan pakaiannya dengan kain mandi yang menutup auratnya.
3. Menyapu perutnya dengan tangan kiri serta ditekan supaya keluar kekotoran dan najis-najis di dalamnya.
4. Digosok seluruh badan mayat dengan menggunakan air sabun.
5. Dibasuh kemaluannya dengan kain.
6. Digosok gigi dan dibersihkan mulutnya.
7. Diambil wudhuk kepada si mati sebagaimana mengambil wudhuk biasa.
8. Dijiraskan 3 jenis air yang meratakan seluruh badan dengan berselang-selang. Dimulai dengan air bercampur daun bidara, kemudian diiringi dengan air biasa dan diakhiri dengan air yang bercampur kapur barus untuk menguatkan badan dan menghilangkan bau-bauan yang tidak baik pada mayat itu.
9. Dijiraskan sebanyak sembilan kali dengan tiga jenis air tersebut.
10. Pemandi-pemandi itu orang yang dipercayai dan soleh. Tukang mandi tidak harus menceritakan segala keburukan-keburukan yang menimpa si mati yang dimandikan itu. Sabda Rasulullah saw :

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ، قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ غَسَلَ مَيِّتًا فَأَدَّى فِيهِ الْأَمَانَةَ وَلَمْ يُفَشِّرْ عَلَيْهِ مَا يَكُونُ مِنْهُ ذَلِكَ خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ - رواه أحمد

Terjemahannya : Daripada Aisyah r.a telah bersabda Rasulullah saw : Sesiapa yang memandikan mayat kemudian dipeliharanya dan tidak diceritakan apa yang ada pada orang mati itu maka bersihlah ia daripada dosa sebagaimana ia baru dilahirkan.

Peringatan :

1. Sunat dibakar benda-benda yang berbau harum seperti kemenyan dan sebagainya ketika memandikan mayat dan menyiramkan banyak air supaya tidak jelas bau yang keluar.
2. Orang yang lebih baik berhak memandikan mayat lelaki ialah orang lelaki juga dan tidak boleh dimandikan oleh perempuan kecuali isteri atau mahramnya. Demikian sebaliknya.
3. Mayat kanak-kanak kecil boleh dimandikan oleh lelaki atau perempuan.

MENGAPANKAN MAYAT

Sekurang-kurang cara bagi mengapan mayat ialah membungkus mayat itu dengan kain suci yang boleh menutup seluruh badannya.

Cara yang baiknya ialah :

1. Dikapankan dengan 3 lapis kain putih bagi lelaki dan 5 lapis bagi perempuan.
2. Bagi mayat lelaki elok dibuat sehelai seluar dan serban.
3. Mayat perempuan elok dipakai sehelai kain, baju dan telekung.
4. Direnjiskan bau-bauan harum ke atas mayat seperti air mawar dan sebagainya.

- **Cara Baik Mengapankan Mayat**

Caranya adalah seperti berikut :

1. Bagi mayat lelaki : Kain-kain kapan itu dihampar sehelai demi sehelai dan ditaburkan serbuk harum-haruman seperti serbuk kayu gaharu pada tiap-tiap lapisan kain itu. Kemudian diletakkan mayat di atasnya dengan kedua belah tangan di atas dada, tangan kanannya di atas tangan kiri, serta dibalutkan kapas pada tempat-tempat bersendi dan akhirnya ditutup dan diikat.
2. Bagi mayat perempuan : Dibuat sama seperti mayat lelaki juga, Cuma dipakai kain dan baju serta tudung kepala kemudian dimasukkannya ke dalam kain yang menutup seluruh badan dan dibuat seperti mayat lelaki juga.

Peringatan :

1. Mayat lelaki dalam ihram haji atau umrah tidak ditutup kepala dan mayat perempuannya tidak ditutup muka serta tidak dimasukkan bau-bauannya.
2. Jika tidak boleh dimandi mayat kerana satu-satu hal bolehlah digantikan dengan tayamum.
3. Disunatkan bubuh bau-bauan harum pada anggota sujud iaitu dahi, hidung, lutut dan kaki mayat yang bukan mati dalam ihram.

- **Hukum Mencium Mayat**

Menurut ijma', harus mencium mayat kerana Rasulullah saw telah mencium mayat Usman bin Mazun. Begitu juga Abu Bakar r.a menangis melungkup mencium tubuh Nabi kita saw sewaktu Baginda wafat.

- **Hukum Mayat Yang Disentuh Oleh Bukan Muhrim(termasuk isteri/suami)**

Tidak batal wudhuk si mati walaupun dicium oleh isteri atau suaminya. Yang batal wudhuk ialah orang yang mencium itu tetapi orang yang kena cium tidak batal kerana orang yang sudah mati, TIDAK ADA HUKUM lagi ke atas mereka.

MENYEMBAHYANGKAN MAYAT

- **Hukum Dan Caranya**

Solat Jenazah itu berbeza dengan solat-solat lain kerana ia tidak ada rakaat, bahkan ditentukan dengan bilangan takbir sebagai ganti rakaat.

Hukum menyembahyangkan mayat itu wajib secara Fardhu Kifaya juga. Masa bermulanya dari selesai dimandi dan dikapankan mayat. Kenyataan suruhan syara' ialah sabda Nabi saw :

صَلُّوا عَلَى مَوْتَاكُمْ

*Terjemahannya : Solatlah akan orang-orang yang mati dari kalangan kamu.
(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah)*

- **Syarat-Syarat Menyembahyangkan Mayat**

1. Mayat itu seorang beragama Islam, maka haram solat mayat orang kafir.
2. Mayat ada di tempat itu.
3. Mayat itu sudah dimandi dan dikapan.
4. Bukan yang mati syahid.
5. Anggota mayat yang ada itu ialah bahagian yang wajib dimandikan termasuklah anak-anak mati keguguran.

- **Rukun-Rukun Solat Mayat**

1. Niat solat mayat ketika bertakbiratul ihram. Contohnya :

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضُ الْكِفَايَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Terjemahannya : Sahaja aku solat ke atas mayat ini 4 takbir fardhu kifayah kerana Allah Taala.

Peringatan :

Pada perkataan : هَذَا الْمَيِّتِ

Hendaklah diubah kepada :

هَذِهِ الْمَيِّتَةُ bagi mayat perempuan

هَذَا الْمَيِّتِ الطِّفْلِ bagi mayat kanak-kanak **lelaki**

هَذِهِ الْمَيِّتَةُ الطِّفْلَةِ bagi mayat kanak-kanak **perempuan**

هَذِهِ الْأَمْوَاتُ bagi mayat yang **ramai**

2. Berdiri bagi yang berkuasa.
3. Takbir sebanyak 4 kali termasuk takbiratul ihram.
4. Membaca surah Fatihah selepas takbiratul ihram.
5. Membaca selawat kepada Nabi Muhammad saw selepas takbir kedua, sekurang-kurangnya membaca :

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

6. Membaca doa kepada si mati selepas takbir ketiga, sekurang-kurangnya membaca :

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ

7. Memberi salam selepas takbir keempat, iaitu :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

- **Cara Solat Mayat**

1. Mula-mula orang yang hendak solat mayat itu hendaklah berdiri mengadap kiblat dan mayat diletak melintang di hadapan dengan kepala di sebelah kanannya.
2. Jika solat berjemaah, imamnya berdiri di depan dekat dengan jenazah dan makmum berbaris di belakang.
3. Memulakan niat dalam hati dan terus bertakbiratul ihram serta mengangkat tangan dan kemudiannya membaca surah Fatihah.
4. Bertakbir kali ke-2 serta mengangkat kedua belah tangan dan membaca selawat kepada Nabi saw.
5. Bertakbir kali ke-3 dan membaca doa kepada si mati.
6. Bertakbir kali ke-4 dan memberi salam ke kanan dan ke kiri.

Peringatan :

1. Lafaz selawat kepada Nabi yang lengkap :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَ عَلَى
آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُبْجِدٌ

Terjemahannya : Wahai Tuhanku, berikan rahmah kepada Nabi Muhammad dan kepada keluarga Nabi Muhammad, seperti Engkau beri rahmat kepada Nabi Ibrahim dan kepada Nabi Muhammad dan keluarga Nabi Muhammad, seperti Engkau beri keberkatan kepada Nabi Ibrahim dan keluarga Nabi Ibrahim. Pada keseluruhan ,alam, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji dan Maha Mulia.

2. Doa lengkap kepada mayat :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ وَ أَكْرِمْ نُزُلَهُ وَ سَّعِّ مَدْخَلَهُ وَ اغْسِلْهُ بِالمَاءِ وَالتَّلْجِ وَ
 الْبَرْدِ وَ نَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنْقَى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَ أَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَ
 أَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَ زَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَ أَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَ أَعِزَّهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَ
 مِنْ عَذَابِ النَّارِ

Terjemahannya : Wahai Tuhanku! Berilah keampunan dan rahmah serta kemaafan atas kesalahannya, serta berilah kesihatan kepadanya, muliakanlah tempatnya serta luaskan pintu masuknya, siramilah dia dengan air biasa, air salji dan air sejuk. Bersihkan segala kesalahannya sebagaimana bersihnya kain putih dari segala kekotoran. Gantikan rumah yang lebih baik dari rumahnya dan keluarga yang lebih baik dari keluarganya serta jodoh yang lebih baik daripada jodohnya dan selamatkanlah dia daripada azab kubur dan azab api neraka.

3. Kiranya mayat itu seorang wanita hendaklah ditukarkan ha' dhomirnya (gantinama) :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَ اعَافِهَا وَ اعْفُ عَنْهَا وَ أَكْرِمْ نُزُلَهَا وَ سَّعِّ مَدْخَلَهَا وَ
 اغْسِلْهَا بِالمَاءِ وَالتَّلْجِ وَ الْبَرْدِ وَ نَقِّهَا مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنْقَى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ
 الدَّنَسِ

وَأَبْدِلْهَا دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهَا وَ أَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهَا وَ زَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهَا
 وَ أَدْخِلْهَا الْجَنَّةَ وَ أَعِزَّهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهَا وَ مِنْ عَذَابِ النَّارِ

4. Kiranya mayat itu ramai hendaklah ditukarkan ha' dhomirnya (gantinama) kepada jama' (ramai) :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ وَ اكْرِمْ نُزُلَهُمْ وَ وَسِّعْ مَدْخَلَهُمْ
وَ اغْسِلْهُمْ بِالمَاءِ وَالثَّلْجِ وَ البَرْدِ وَ نَقِّهَا مِنَ الخَطَايَا كَمَا يُنْقَى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ
مِنَ الدَّنَسِ وَ أَبْدِلْهُمْ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِمْ وَ أَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِمْ وَ زَوْجًا
خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِمْ وَ أَدْخِلْهُمْ الْجَنَّةَ وَ أَعِزَّهُمْ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفَتَنَتِهِمْ وَ مِنْ عَذَابِ
النَّارِ

5. Boleh juga disolatkan ke atas mayat yang sudah ditanam.
6. Juga boleh disolatkan mayat yang tidak ada di tempat sendiri iaitu dinamakan Solat Ghaib.
7. Orang-orang perempuan dan kanak-kanak boleh mengerjakan solat mayat.
8. Bagi mayat yang masih kanak-kanak, hendaklah ditambah doa berikut :

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ لَنَا سَلَفًا وَفُرْطًا وَأَجْرًا

9. Yang lebih utama menjadi imam solat mayat ialah bapa si mati sendiri, kemudian anak-anak dan saudara mara.
10. Elok dibaca lagi doa selepas takbir ke-4 dan sebelum memberi salam, iaitu :

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَاعْفُ رَنَا وَلَهُ وَ لِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا
بِالْإِيمَانِ وَ لَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ لَرَّءُوفٌ رَحِيمٌ

Terjemahannya : Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau halangkan kami dari mendapat balasannya dan janganlah Engkau rosakkan kami selepasnya. Ampunilah kami dan kepadanya juga saudara-saudara kami yang beriman lebih

dahulu dari kami dan janganlah Engkau jadikan hati kami rasa melampau terhadap mereka yang telah beriman. Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau Maha Lemah-lembut Lagi Pengasih.

MENGKEBUMIKAN MAYAT

- **Kewajiban Menanam Mayat**

Setelah dimandi, dikapan serta disolatkan ke atas mayat, maka kewajiban yang akhir ialah mengkebumikannya.

Sekurang-kurangnya ialah memasukkan mayat itu ke dalam satu lubang yang boleh menahan daripada keluar bau busuk dan tidak boleh digali oleh binatang-binatang buas. Cara yang baiknya ialah :

1. Menggali lubang kira-kira seperdiri dalam.
2. Menyediakan liang lahad iaitu lubang yang digali di bawah kubur sebelah kiblat kira-kira muat dimasukkan mayat ke dalamnya atau ditebuk lubang kecil di tengah-tengahnya kemudian ditutup dengan papan.
3. Menghulurkan mayat dengan perlahan-lahan ke dalam lubang serta dibaringkan atas rusuk kanan dengan mengadap muka ke arah kiblat dan dikemaskannya dengan tanah.
4. Disunatkan membaca :

بِسْمِ اللَّهِ وَ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ

5. Menghulurkan mayat ke dalam kubur dari arah kakinya.
6. Mengenakan pipi mayat ke tanah dan membuka segala ikatan di badannya.
7. Dikambuskan mayat dengan beradab dan ditinggikan kuburnya kadar sejengkal.
8. Dibacakan doa kepada si mati selepas ditanam.

- **Menanam Dua Jenazah**

Hukum menanam dua jenazah atau lebih dalam satu kubur itu haram mengikut mazhab Syafi'e kecuali kerana darurat seperti terlampau ramai orang mati dan sebagainya. Jika berlaku demikian hukumnya adalah harus.

- **Membawa Mayat Ke Kubur**

Hukum membawa mayat ke kubur adalah wajib sebagaimana memandi, mengapan dan menyembahyangkannya juga. Oleh itu, orang ramai dituntut menghantarnya ke kubur. Setengah ulama' berpendapat orang yang menghantarnya itu sebaik-baiknya berjalan di hadapan mayat tetapi ada pula yang berpendapat sebaik-baiknya berjalan di belakang mayat dan cara inilah yang dipakai oleh kebanyakan masyarakat.

MATI SYAHID

- **Hukum Mati Syahid**

Hukum menyempurnakan jenazah yang mati syahid itu berlainan dengan orang mati biasa, iaitu :

1. Tidak wajib dimandikan.
2. Tidak wajib disolatkan.
3. Wajib dikapan dengan pakaiannya walaupun berlumuran darah.
4. Wajib dikebumikan seperti lain-lain orang mati.

- **Bahagian Mati Syahid**

Orang mati syahid itu ada 3 jenis :

1. Mati Syahid Dunia Dan Akhirat : iaitu orang yang mati dalam peperangan melawan kafir (harbi) untuk meninggikan agama Allah walaupun terkena senjata sendiri.
2. Mati Syahid Dunia sahaja : iaitu mati melawan orang kafir tetapi bukan kerana hendak menegakkan agama Allah, bahkan kerana tujuan-tujuan lain seperti ingin mendapatkan harta rampasan atau mencari kemegahan diri.

3. Mati Syahid Akhirat sahaja : iaitu orang yang mati teraniaya, mati terkejut, mati kemalangan di jalan raya, mati lemas, terbakar termasuk juga mati masa belajar agama Allah (Islam).

Orang yang mati syahid bahagian ke-3 mesti dilakukan seperti orang mati biasa sahaja.

HUKUM MEMBACA TALQIN

1. Sabda Rasulullah saw :

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : اسْتَغْفِرُوا لِأَحِبِّكُمْ وَ سَلُوا لَهُ التَّشْيِيتَ فَإِنَّهُ الْآنَ يَسْأَلُ
- رواه أبو داود و البيهقي

Terjemahannya : Mohonlah keampunan bagi saudaramu dan mohonkan penetapan hati baginya kerana ia sekarang sedang di soal.

2. Asy-Syafi'e r.a dan para sahabat berkata : dianjurkan membaca sedikit daripada ayat Al-Quran.
3. Al-Baihaqi di dalam kitab hadisnya dengan sandaran yang baik menjelaskan bahawa Ibnu Umar menggalakkan supaya membaca permulaan surah Al-Baqarah dan penghabisannya sesudah mengkebumikan mayat.
4. Masalah talqin, ramai ulama' menggalakkan, termasuklah Al-Qadhi Husin, Abu Saad Al-Mutawalli dalam kitabnya Tatimmah, Ash-Sheikh Al-Imam Abul Fathi Nasr bin Ibrahim bin Nasr Al-Maqdis.
5. Dalam perkara talqin ini ada ditanyakan kepada Ash-Sheikh Al-Imam Abu Amr Ibni Solah r.a, maka ia menjawab dalam fatwanya : talqin adalah amalan yang kami patuhi dan kami jalankan.

6. Talqin terhadap anak kecil, maka tidak ada sandaran yang dapat dibuat ikutan. Oleh itu, TIDAK SUNAT ditalqinkan kanak-kanak yang belum baligh.
7. Dalam kitab Mughni Al-Muhtaj oleh Sheikh Khatib Syarbani pada juz pertama di muka surat 367 katanya :

وَيُسَنُّ تَلْقِينُ الْمُكَلَّفِ بَعْدَ الدَّفْنِ فَيُقَالُ : يَا عَبْدَ اللَّهِ إِلَى آخِرِهِ

Terjemahannya : Disunatkan membaca talqin kepada mayat yang sudah mukallaf yang sudah dikebumikan dan dikatakan kepadanya : Hai Abdallah....hingga ke akhirnya.

8. Di dalam kitab Tuhfah oleh Sheikh Ibnu Hajar Al-Haitami pada juz pertama di muka surat 209 mengatakan :

وَيُسْتَحَبُّ تَلْقِينُ بَالِغٍ عَاقِلٍ أَوْ جُنُونٍ سَبَقَ لَهُ تَكْلِيفٌ وَلَوْ شَهِيدًا كَمَا افْتَى إِطْلَاقُهُمْ بَعْدَ تَمَامِ الدَّفْنِ

Terjemahannya : Dan sunat ditalqinkan mayat yang baligh, berakal atau orang gila (yang sudah pernah beribadah sebelum gila) walaupun yang mati syahid, yakni sebagaimana yang telah difatwakan oleh beberapa ulamak iaitu setelah dikebumikan.

MENZIARAH QUBUR DAN ADABNYA

1) Muqaddimah :

Ziarah qubur bagi orang Islam hukumnya sunat bagi kaum lelaki. Itu berdasarkan sebuah hadith Nabi SAW yang menganjurkan perbuatan ini walaupun pada awalnya ia di larang, sebagaimana hadith dari Abu Buraidah, dari ayahnya bahawa Rasul SAW bersabda :

"نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا ، فَإِنَّ فِي زِيَارَتِهَا تَذْكَرَةٌ "

Maksudnya : Aku pernah melarang kalian berziarah qubur, maka sekarang berziarahlah. Kerana dalam menziarahinya terdapat peringatan.

- HR Abu Daud

Juga hadith ini :

عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
قَدْ كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَقَدْ أُذِنَ لِمُحَمَّدٍ فِي زِيَارَةِ قَبْرِ أُمِّهِ ،
فَزُورُوهَا ،
فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْآخِرَةَ "

Maksudnya : Dari Sulaiman Ibnu Buraidah dari ayahnya ra. Bahawasanya Nabi SAW bersabda : “Dahulu aku pernah melarang kalian untuk menziarah qubur, kini telah diizinkan dengan Muhammad untuk berziarah pada qubur ibunya, kerana itu berziarahlah ke perquburan kerana hal itu dapat mengingatkan kepada akhirat. - HR Muslim, Abu Daud, Tirmidzi dan Nasa’I

2) Tujuan :

Menziarahi qubur sebenarnya bukanlah sekadar untuk memenuhi atau mengamalkan kebiasaan yang selalunya dilakukan pada hari raya dan sebagainya. Bahkan ia lebih bertujuan untuk mengambil iktibar atau mengingati kepada kematian, kehidupan alam barzakh juga alam akhirat. Semua yang hidup pasti akan merasa alam kematian. Oleh yang demikian, ini merupakan satu inisiatif untuk kita sentiasa mengingatnya.

3) Adab-adab menziarahi qubur :

Ziarah qubur bertujuan untuk memperingati kepada kematian, di samping itu eloklah diamalkan adab-adab ketika menziarahi qubur supaya kita boleh menghayati dan mengamalkannya dengan berhikmah :

Berwuduk

Sebelum menziarahi qubur, kita disunatkan untuk berwuduk atau mengambil air sembahyang terlebih dahulu agar kita sentiasa berada dalam keadaan bersih dan suci dari hadas kecil kerana semasa di tanah perquburan kita akan melaksanakan perkara-perkara yang amat dituntut untuk kita berwudhu' seperti membaca Al-Quran .

Memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat
Sebagaimana dalam hadith :

عَنِ الْبَرَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : أَمَرَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِسَبْعٍ ، وَنَهَانَا عَنْ سَبْعٍ ، أَمَرْنَا بِاتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ ، وَعِيَادَةِ الْمَرِيضِ ، وَاجَابَةِ الدَّاعِي ، وَنَصْرِ الْمَظْلُومِ ، وَإِبْرَارِ الْقَسَمِ وَرَدِّ السَّلَامِ ، وَتَشْمِيتِ الْعَاطِسِ ، وَنَهَانَا عَنْ أَنْيَةِ الْفِضَّةِ ، وَخَاتَمِ الذَّهَبِ وَالْحَرِيرِ ، وَالذَّيْبَاجِ وَالْقَسِيِّ وَالْإِسْتَبْرَقِ وَعَنِ الْمَيَاثِرِ

Maksudnya : *Dari Al-Barra' katanya Nabi SAW menyuruh kami melakukan 7 perkara dan melarang kami dari tujuh perkara. Nabi SAW menyuruh kami : menghadiri pemakaman orang mati, mengunjungi orang yang sakit, memenuhi undangan orang yang mengundang, membela orang yang teraniaya, melaksanakan sumpah, menjawab salam dan memohonkan rahmat bagi orang yang bersin. Beliau melarang kami dari memakai bekas dari perak, cincin emas, memakai kain sutera, memakai sutera tipis, memakai sutera yang buruk, memakai sutera tebal dan alas duduk dari sutera”.*

- HR Bukhari, Muslim, Tirmidzi dan Nasa’I

Memberi salam kepada ahli atau penghuni qubur

Ketika sampai di tanah perquburan, kita disunatkan untuk memberi salam kepada ahli qubur. Sebagaimana hadith :

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : مَرَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقُبُورِ الْمَدِينَةِ، فَأَقْبَلَ عَلَيْهِمْ بِوَجْهِهِ فَقَالَ : السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الْقُبُورِ "يَغْفِرُ اللَّهُ لَنَا وَلَكُمْ أَنْتُمْ سَلَفْنَا وَنَحْنُ بِأَلَا ثَر"

Maksudnya : *Dari Ibnu Abbas katanya: “Ketika Rasulullah SAW melalui perquburan di Kota Madinah maka beliau mengucapkan ,*

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الْقُبُورِ يَغْفِرُ اللَّهُ لَنَا وَلَكُمْ أَنْتُمْ سَلَفْنَا وَنَحْنُ بِأَلَا ثَر
/ semoga salam sejahtera sentiasa tercurah atas kalian wahai penghuni perquburan ini, semoga Allah sentiasa berkenan memberi ampun bagi kami dan bagi kalian. Kalian telah mendahului kami dan kami akan menyusul kalian”.

- HR Tirmidzi

Lebih afdhal memberi salam itu dalam keadaan berdiri di tepi perquburan dengan membelakangkan qiblat dan menghadap kearah letaknya muka ahli qubur.

Bahkan katika melintas di mana-mana perquburan Islam tanpa bertujuan menziarah, disunatkan juga untuk memberi salam dan berdoa untuk kesejahteraan mereka, sebagaimana hadith :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ أَبُو رَزِينٍ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ! إِنَّ طَرِيقِي عَلَى الْمَوْتَى فَهَلْ مِنْ كَلَامٍ أَتَكَلَّمُ بِهِ إِذَا مَرَرْتُ عَلَيْهِمْ ؟ قَالَ : قُلْ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا أَهْلَ الْقُبُورِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُؤْمِنِينَ أَنْتُمْ لَنَا سَلَفٌ وَنَحْنُ لَكُمْ تَبَعٌ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ قَالَ أَبُو رَزِينٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ يَسْمَعُونَ ؟ قَالَ : يَسْمَعُونَ وَلَكِنْ لَا يَسْتَطِيعُونَ أَنْ يُجِيبُوا
(أى جواباً يَسْمَعُهُ الْحَيُّ) قَالَ يَا أبا رَزِينِ أَلَا تَرْضَى أَنْ يَرُدَّ عَلَيْكَ بَعْدَهُمُ الْمَلَائِكَةُ ؟

Maksudnya : *Daripada Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu* katanya : “*Abu Razin bertanya: “ Ya Rasulullah! Sesungguhnya dalam perjalananku (menuju ke rumahku) melintasi tanah perquburan, apakah ada bacaan yang patut saya ucapkan jika saya melalui mereka? ” Jawab Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam: “Bacalah : “Mudah-mudahan Allah limpahkan keselamatan ke atas kamu wahai ahli qubur daripada muslimin dan mukminin, kamu semua telah mendahului kami, dan kami akan menyusul kamu dan sesungguhnya kami - Insya Allah , akan menyusuli kamu.” Abu Razin bertanya lagi: “ Wahai Rasulullah, adakah mereka mendengar ? ” Jawab Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam: “ Mereka mendengar dan tidak dapat menjawab (iaitu jawapan yang boleh didengar oleh orang hidup) .” Kemudian Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda : “ Ya Abu Razin ! Adakah engkau tidak suka bila (salam) kamu dijawab oleh para Malaikat ?.*

- Ditakhrijkan oleh Al-‘Uqaili

d) Membaca Al-Quran

Selesai memberi salam kita di sunatkan untuk membaca Al-Quran atau surah Yaasin. Kemudian niatlah ianya dihadiahkan kepada mereka (ahli qubur). Sebagaimana hadith Rasulullah SAW dari Hassan Mursala :

"مَنْ قَرَأَ يَسَ ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ, فَاقْرَأُوهَا عِنْدَ مَوْتَاكُمْ"

Maksud : *Barangsiapa yang membaca Yassin untuk mendapat keredhaan Allah dan mengampunkan dosanya yang lalu, maka bacakanlah Yasiin ketika kematian mereka.*

- HR Al-Baihaqi

Juga terdapat hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasa'i. Ianya dianggap sahih oleh Ibnu Hibban :

"عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
إِقْرَءُوا يَسَّ عَلَى مَوْتَاكُمْ "

Maksudnya : *Dari Ma'qil ibnu Yasar ra bahawasanya Nabi SAW bersabda :*

" Bacalah surah Yaasin pada orang-orang mati dari kalian".

- HR Abu Daud, Nasa'i, Ahmad dan Ibnu Hibban

e) Membaca doa

Setelah selesai membaca Al-Quran dan Yaasin, disunnahkan membaca doa dalam keadaan menghadap qiblat .

4) Larangan-larangannya:

Terdapat larangan dan tegahan terhadap orang-orang yang hendak menziarahi qubur, diantaranya ialah :

Meratap, memekik atau memukul-mukul pipinya (kerana terlalu sedih) :

Larangan ini berdasarkan hadith Nabi SAW :

"عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
لَيْسَ مِنَّا مَنْ ضَرَبَ الْخُدُودَ وَشَقَّ الْجُيُوبَ وَدَعَا بِدَعْوَى
الْجَاهِلِيَّةِ "

Maksudnya : *Dari Abdullah bahawasanya Nabi SAW bersabda: "Bukan tergolong dari kami seorang yang memukul-mukul pipinya, merobek sakunya dan menyeru dengan seruan jahiliah".*

- HR Bukhari, Muslim, Tirmidzi dan Nasa'I

Ada disebut di dalam sebuah hadits yang menyatakan bahawa jika ada seseorang yang diratap kematiannya akan menerima siksaan disebabkan ratapan itu :

"عَنِ الْمُغِيرَةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ , عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
مَنْ نِيَحَ عَلَيْهِ يُعَذَّبُ بِمَا نِيَحَ عَلَيْهِ"

Maksudnya : *Dari Al-Mughirah ra bahawasanya Nabi SAW bersabda :
"Barangsiapa diratapi orang, ia akan disiksa sebagaimana yang diratapkannya.
- HR Bukhari, Muslim dan Tirmidzi*

Ini menunjukkan dengan jelas bahawa ratapan itu adalah satu larangan daripada Allah SWT. Walaupun begitu tiada larangan kepada kita untuk bersedih dan mengalirkan air mata untuk menunjukkan rasa kasih sayang kepada ahli qubur atau merasa insaf mengenai hari kematian berdasarkan hadits Rasulullah SAW :

"عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَخَذَ الرَّأْيَةَ زَيْدٌ فَأُصِيبَ ثُمَّ أَخَذَهَا جَعْفَرٌ فَأُصِيبَ ثُمَّ أَخَذَهَا ابْنُ رَوَاحَةَ ، فَأُصِيبَ وَإِنَّ عَيْنَيَّ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَتَذُرِ فَإِنْ ثُمَّ أَخَذَهَا خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ مِنْ غَيْرِ امْرَأَةٍ فَفُتِحَ لَهُ "

Maksudnya : *Dari Anas ra bahawasanya Nabi SAW bersabda: "Pada mulanya Zaid telah memegang panji-panji perang, setelah ia gugur, maka panji-panji perang di pegang oleh Ja'far. Setelah ia gugur maka panji-panji perang di pegang pula oleh Abdullah ibnu rawahah sampai ia gugur. Pada waktu itu kedua mata Rasul SAW menitikkan air mata, selanjutnya Khalid ibnu Walid memegang panji perang tanpa diangkat sebagai pimpinan sehingga ia berhasil mendapat kemenangan.
- HR Bukhari dan Nasa'I*

Makruh duduk atau merangkak di atas qubur dan bersandar padanya juga mengelilinginya.

Larangan makruh ini berdasarkan hadits Nabi SAW:

"عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ , عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
لَا نَجْلِسَ أَحَدَكُمْ عَلَى جَمْرَةٍ فَتُحْرِقَ ثِيَابَهُ , فَتَخْلُصَ إِلَى جِلْدِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ
أَنْ يَجْلِسَ عَلَى قَبْرِ "

Maksudnya : *Dari Abu Hurairah bahawasanya Nabi SAW bersabda : “Jika salah seorang dari kamu duduk diatas bara api sampai terbakar pakaiannya dan menembusi pada kulitnya, maka hal itu lebih baik baginya dari pada dia duduk di atas qubur.*
- HR Muslim dan Nasa’I

Walupun begitu, dibenarkan duduk di sekitar atau di sekelilingnya, ini dibuktikan dengan hadith ini :

كُنَّا فِي جَنَازَةٍ فِي بَقِيعِ الْغَرْقَدِ فَأَتَانَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَعَدَ
وَقَعَدْنَا حَوْلَهُ
وَمَعَهُ مَخْصَرَةٌ

Maksudnya : *Suatu ketika kami semua berada di Baqi‘ Al-Gharqad untuk menghantar jenazah seseorang. Pada saat itu Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam mendatangi tempat kami, lalu Baginda Sallallahu ‘alaihi wasallam duduk dan kami semua pun duduk mengelilinginya dan bersama Baginda ada sebatang tongkat”.*
- HR Al-Bukhari

Tidak harus memijak qubur.

Memijak qubur tanpa keperluan atau hajat tidak diharuskan kerana ia dihukumkan seperti hukum duduk di atas qubur itu. Walaupun begitu ia diharuskan apabila tiada jalan lain untuk menuju ke qubur yang hendak diziarahi. Maka hukumnya harus kerana adanya keuzuran.

Haram melakukan perkara khurafat.

Antara perbuatan yang diharamkan dan boleh menjejaskan aqidah ialah seperti mencium qubur, mengusap-usap dan seumpamanya.

Sedangkan ketika melawat qubur Nabi SAW pun ada perkara yang tidak digalakkan untuk melakukannya. Seperti berdoa di quburnya walaupun ianya dibolehkan, tetapi hendaklah memohon kepada Allah dan bukanlah kepada kemuliaan qubur tersebut. Ini kerana ianya adalah satu perbuatan mensyirikkan Allah.

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : من سجد في قبري لم يزد له به درجة الا رطل من ثياب الجنة
عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : من سجد في قبري لم يزد له به درجة الا رطل من ثياب الجنة
عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : من سجد في قبري لم يزد له به درجة الا رطل من ثياب الجنة

Maksudnya : *Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang mempersekutukan Allah, maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar.*

- An-Nisa' : 48

5) **Hukum ziarah qubur bagi wanita :**

Para ulama' Syafie'yah telah berselisih pendapat mengenai hukum wanita menziarahi qubur. Namun demikian menurut pendapat jumhur ulama' hukum ziarah qubur bagi wanita adalah makruh sahaja disebabkan sifat mereka yang tidak sabar dan mudah tersentuh. Ini dikhuatiri akan menimbulkan perasaan dukacita yang teramat sangat yang boleh menyebabkan mereka menangis dan meratapi di qubur tersebut. Antara dalil yang menunjukkan wanita tidak haram untuk berziarah ialah:

"عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : نُهِينَا عَنْ اتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ وَلَمْ يُعْزَمْ عَلَيْنَا "

Maksudnya : *Dari Ummu Athiyah ra katanya : “Kami (kaum wanita) dilarang mengikuti pemakaman jenazah tetapi tidak dilarang secara mutlak kepada kami”.*
- HR Bukhari, Muslim dan Abu Daud

Juga hadith daripada Anas ra:

"عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِأَمْرَأَةٍ تَبْكِي عِنْدَ قَبْرِ فَقَالَ : اتَّقِي اللَّهَ وَاصْبِرِي"

Maksudnya: *Dari Anas ra. Katanya: Ketika Nabi SAW melewati seorang wanita yang sedang menangis di qubur, beliau bersabda : “Takutlah kepada Allah dan bersabarlah engkau”.* - HR Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmidzi dan Nasa’I

Bersandarkan hadith di atas, dapatlah disimpulkan bahawa menziarahi qubur bagi wanita bukanlah diharamkan, kerana jika ia haram tentunya Nabi SAW menegur atau melarang wanita tersebut daripada menziarahi qubur tersebut.

Namun demikian jika dengan berziarah itu akan menimbulkan semula perasaan sedih lalu menyebabkan timbulnya ratapan kepada si mati, maka haramlah baginya menziarahi qubur tersebut. Hukum ini berdasarkan hadith Nabi SAW :

"عَنْ أَبِي عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
لَعَنَ اللَّهُ زَائِرَاتِ الْقُبُورِ وَالْمُتَّخِذِينَ عَلَيْهَا الْمَسَاجِدَ وَالسُّرُجَ"

Maksudnya : *Dari Ibnu Abbas bahawasanya Nabi SAW bersabda : “Allah mengutuk kaum wanita yang berziarah qubur dan orang-orang yang menjadikan perquburan sebagai masjid dan menjadikannya penerang (memasang lampu).*
- HR Abu Daud, Tirmidzi dan Nasa’I

Walaupun begitu jika tujuannya ialah untuk mengambil iktibar, mengingatkan kematian dan alam barzakh juga akhirat, tanpa ratapan, maka dalam hal ini makruh sahaja bagi wanita menziarahi qubur.

Kesimpulan di sini, makruh bagi wanita menziarahi qubur walaupun dia dapat menjaga adab kesopanan, menahan daripada kesedihan yang melampau, tiada mengundang fitnah samada semasa berziarah ataupun pada persekitarannya.

Antara adab-adab yang perlu dijaga oleh **wanita** ketika menziarahi qubur ialah :

Dia hendaklah ditemani oleh suami ataupun mahramnya

Dia hendaklah dalam keadaan menutup aurat dan tidak berpakaian menjolok mata.

Jangan kerap berziarah ke qubur
Bercakap perkara yang berfaedah dan meninggalkan yang bathil
Tidak bercampur aduk dengan lelaki yang bukan mahram

Hukum makruh itu boleh bertukar kepada haram jika ziarahnya itu boleh menimbulkan kepada kesedihan yang menyebabkan ratapan atau meraung kepada simati. Begitu juga haram jika tidak menjaga adab kesopanan semasa berziarah dan sebagainya.

6) Menjirus qubur dan meletak pelepah daun:

- Menjirus qubur :

Amalan menjirus air ke atas qubur adalah satu perbuatan Nabi SAW di qubur anaknya Ibrahim sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Daud.

Tujuan menjirus qubur dengan air itu adalah sebagai bertafa'ul (optimis) untuk mendapatkan rahmat bagi si mati dan menyejukkan tempat pembaringannya (مضجعة). Ia juga bertujuan untuk menjaga tanah daripada bertaburan. Menurut Al-Azra'e, lebih utama (أولى) menjirus qubur dengan air bersih dan sejuk (tidak panas). Seperti yang tersebut di dalam kitab *Mughni Al-Muhtaj* m/s 364 :

" (وَيُنْدَبُ أَنْ يُرَشَّ الْقَبْرُ بِالْمَاءِ) لَأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَلَهُ بِقَبْرِ وَلَدِهِ إِبْرَاهِيمَ رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ فِي مَرَاسِيلِهِ وَتَفَاوُلًا بِالرَّحْمَةِ وَتَبْرِيدًا الْمَضْجَعِ الْمَيِّتِ : وَلَأنَّ فِيهِ حِفْظًا لِلْثَّرَابِ أَنْ يَتَأَثَّرَ . قَالَ الْأَذْرَعِيُّ : الْأَوَّلَى أَنْ يَكُونَ ظُهُورًا بَارِدًا "

Al-Isnawi berpandangan makruh dan boleh menjadi haram menjirus air dicampur dengan bunga kerana perbuatan itu adalah membazir.

Menurut as-Subki pula tidak mengapa menjirus qubur dengan air bunga-bunga jika ianya bermaksud supaya para malaikat hadir kerana para malaikat sangat suka kepada bau-bauan yang harum dan menyenangkan.

*** (Perbincangan perkara ini boleh dibaca pada lampiran)**

- Meletakkan pelepah daun

Menurut sesetengah kitab (*Mughni Al-Muhtaj & Hasyiah I'annah At-Tolibin*) sunat hukumnya meletakkan pelepah daun atau bunga yang masih hijau dan segar di atas qubur iaitu sebagai ikutan kepada perbuatan Nabi SAW. Baginda pernah meletakkan pelepah kurma di atas qubur dua orang yang disiksa.

Perbuatan seperti ini adalah kerana berkat tasbih pelepah dan bunga tersebut, maka siksa orang yang telah meninggal itu akan di ringankan selagi ianya masih segar dan hijau . Sebagaimana hadith Rasulullah SAW :

" عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى قَبْرَيْنِ فَقَالَ : إِنَّهُمَا لَيُعَذَّبَانِ ، وَمَا يُعَذَّبَانِ مِنْ كَبِيرٍ ، ثُمَّ قَالَ : بَلَى ، أَمَّا أَحَدُهُمَا فَكَانَ يَسْعَى بِالنَّمِيمَةِ ، وَأَمَّا الْآخَرُ فَكَانَ لَا يَسْتَبْرِئُ مِنْ بَوْلِهِ ، وَفِي رِوَايَةٍ : لَا يَسْتَتِرُ مِنْ بَوْلِهِ ، قَالَ : ثُمَّ أَخَذَ عُودًا رَطْبًا فَكَسَرَهُ بِأَثْنَيْنِ ثُمَّ غَرَزَ كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا عَلَى قَبْرٍ ، ثُمَّ قَالَ : لَعَلَّهُ يُخَفَّفُ عَنْهُمَا مَا لَمْ يَبْيَسَا "

Maksudnya : *Dari Ibnu Abbas ra katanya : “Ketika Nabi SAW melalui dua perquburan maka beliau bersabda: “Sesungguhnya kedua-dua penghuni qubur ini sedang disiksa dan keduanya tidaklah disiksa kerana dosa-dosa besar”. Selanjutnya beliau bersabda: “Adapun yang salah satu dari keduanya disiksa kerana mengacum (batu api) sedangkan yang lain disiksa kerana ia tidak bersih apabila ia bersuci dari kencingnya”. Dalam riwayat lain disebutkan: “Ia kerana tidak menutup diri dari kencingnya”. Kemudian beliau mengambil sebatang ranting pohon yang masih basah dan membelahnya menjadi dua, kemudian setelah belahan dipacakkan pada kedua qubur itu, kemudian beliau berkata: “Semoga siksaan bagi kedua penghuni qubur tersebut diringankan selama kedua ranting pohon ini belum kering”.* - HR Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmidzi dan Nasa’I

Begitu juga apabila ada sesetengah orang yang menabur bunga rampai segar di atas qubur. Menabur bunga ini dikiaskan hukumnya dengan pelepah kurma itu. Maka ia juga disunatkan. Seperti yang tersebut di dalam kitab *Hasyiah I'annah At-Tolibin* m/s 119 :

(مهمة) يُسَنُّ وَضْعُ جَرِيدَةٍ خَضِرَاءٍ عَلَى الْقَبْرِ - لِاتِّبَاعٍ , وَلِأَنَّهُ يُخَفِّفُ عَنْهُ بِبَرَكَاتٍ تَسْبِيحِهَا. وَقِيَسَ بِهَا : مَا اعْتِيْدَ مِنْ طَرَحِ نَحْوِ الرِّيحَانِ الرُّطْبِ. وَيَحْرَمُ اخْذُ شَيْءٍ مِنْهَا : مَا لَمْ يَبْيَسَا.

Oleh itu haramlah jika mengambil pelepah kurma atau bunga itu sebelum ia kering, kerana perbuatan itu seperti memutuskan manfaat hak si mati dengan sebab bau-bauan itu. Begitulah penjelasan Ibnu Hajar dan Ibnu Ziyad rahimullah.

*** (Perbincangan perkara ini boleh dibaca pada lampiran)**

Tetapi harus dibezakan antara membawa bunga secara sederhana dengan niat mewangikan kawasan qubur dengan membawa kalungan dan jambangan bunga.

Namun amalan membawa kalungan serta jambangan bunga dan menabur bunga ketika menziarahi qubur dilihat semakin menjadi trend dalam masyarakat khususnya ketika menziarahi qubur di pagi hari raya.

Amalan membawa jambangan bunga ke qubur merupakan adat dalam salah satu upacara pengkebumian dan persembahan agama kristian, budha dan hindu. Bunga dibawa dengan pelbagai bentuk dan cara seperti jambangan, kalungan dan sebagainya. Bagi masyarakat kristian mereka akan membawa jambangan bunga sebagai tanda ingatan dan kasih sayang kepada kaum keluarga dan sahabatnya. Masyarakat hindu pula, salah satu adat ketika pengkebumian ialah meletakkan bunga di atas mayat sebelum di bakar. Manakala mengikut agama budha amalan biasa ketika upacara pengkebumian adalah persembahan bunga-bunga, pembakaran colok dan lilin. Ia dianggap sebagai simbol dalam upacara pengkebumian.

Amatlah dilarang jika pembawaan jambangan bunga itu mengandungi unsur-unsur syirik dan kufur kepada Allah, juga jika mempunyai tujuan dan maksud menyamai dengan amalan atau upacara keagamaan lain seperti membawa bunga untuk persembahan dan dijadikan sebagai salah satu acara wajib dalam upacara pengkebumian. Sabda Nabi SAW :

"مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ"

Maksudnya: *Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah dari golongan mereka.*
- Riwayat Abu Daud

Satu perkara yang paling menonjol ialah dari segi aspek pembaziran yang nyata. Ini terjadi apabila bunga yang dibawa oleh penziarah dibeli dengan harga yang mahal sedangkan wang pembelian bunga itu boleh digunakan untuk sesuatu yang lebih bermanfaat kepada yang masih hidup dari yang telah mati. Firman Allah SWT berkenaan pembaziran ialah :

Maksud : *Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.*

الَّذِينَ يَبْذِرُونَ مَالَهُمْ ذُرِّيًّا يَحْسَبُونَ أَنَّ الْبَذْرَ يُزِيدُهُمْ وَاللَّهُ يَبْذِرُهُمْ كَمَا يَبْذِرُ الْحَبَّ وَالذُّرَّ وَاللَّهُ يَخْتَارُ
الَّذِينَ يَبْذِرُونَ مَالَهُمْ ذُرِّيًّا يَحْسَبُونَ أَنَّ الْبَذْرَ يُزِيدُهُمْ وَاللَّهُ يَبْذِرُهُمْ كَمَا يَبْذِرُ الْحَبَّ وَالذُّرَّ وَاللَّهُ يَخْتَارُ

- Al-Isra' : 28

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke 65 yang bersidang pada 13 Oktober 2004 telah membuat kesimpulan bahawa :

“ Amalan membawa bunga ketika menziarahi qubur adalah tidak digalakkan dari persepektif agama ”

Muzakarah juga telah membuat kesimpulan bahawa :

- i. Amalan membawa bunga ketika menziarahi qubur perlu dielakkan kerana ditakuti mencemari dan menjejaskan aqidah. Amalan tersebut adalah menyerupai amalan dan kepercayaan agama-agama lain;
- ii. Sesungguhnya untuk menunjukkan rasa kasih sayang kepada roh si mati bukanlah melalui amalan membawa jambangan atau menabur bunga ke atas quburnya;
- iii. Dalam soal aqidah tidak terdapat qaidah qias yang membolehkan sesuatu amalan itu dilakukan dengan mengqiaskan dengan amalan yang lain. Sehubungan dengan itu, mengharuskan amalan membawa bunga ke qubur adalah tidak tepat, mengqiaskan beberapa perbuatan Rasulullah SAW seperti meletakkan atau

mencucuk pelepah tamar ataupun merenjis air dan meletakkan batu kerikil ke atas qubur.

iv. Sesungguhnya meletak atau mencucuk pelepah tamar ke atas qubur tidak menjadi amalan di zaman para sahabat. Walaupun terdapat riwayat yang menyatakan bahawa Buraidah Al-Aslami ada mewasiatkan agar meletakkan pelepah tamar setelah beliau meninggal dunia dan pelepah tersebut pula diletakkan di dalam lubang liang lahad quburnya.

v. Kelazimannya amalan membawa bunga ketika menziarahi qubur dilakukan oleh masyarakat Islam yang tinggal di Bandar. Manakala amalan tersebut tidak dilakukan di kampung-kampung. Perbuatan ini merupakan pembaziran dan tidak memberikan manfaat ; dan

vi. Sesungguhnya masyarakat Islam perlu mengetahui perbezaan hidup beragama berbanding hidup berbudaya. Ini kerana amalan membawa bunga ketika menziarahi qubur sebenarnya merupakan satu budaya kehidupan yang jelas wujud dalam amalan budaya serta kebudayaan agama-agama lain. Maka budaya dan amalan membawa bunga tersebut perlu dielakkan kerana ia tidak selari dengan apa yang dianjurkan oleh agama Islam.

7) Ziarah qubur di hari raya

Seperti yang telah dibincangkan, hukum ziarah qubur pada asalnya adalah sunat. Kerana ianya akan mengingatkan kita kematian dan menginsafkan kita.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : زَارَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْرَ أُمِّهِ فَبَكَى وَأَبَكَى مِنْ حَوْلِهِ فَقَالَ : اسْتَأَذَنْتُ رَبِّي فِي أَنْ أَسْتَغْفِرَ لَهَا فَلَمْ يُؤْذَنْ لِي وَاسْتَأَذَنْتُهُ فِي أَنْ أَزُورَ قَبْرَهَا فَأِذَنْ لِي ، فَزُورُوا الْقُبُورَ فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْمَوْتَ

Maksudnya : *Dari Abu Hurairah ra katanya: “Ketika Nabi SAW berziarah ke qubur ibunya maka beliau menangis dan orang-orang yang di sekitar beliau pun turut menangis kerananya. Sabda Nabi SAW: “Ketika aku meminta izin pada Tuhanku untuk memohonkan ampun bagi ibuku, maka aku tidak diberikan izin olehNya, ketika aku minta izin padaNya untuk menziarahi quburnya maka aku diberi izin untuk menziarahinya, kerana itu berziarahlah ke perquburan sebab hal itu dapat mengingatkan pada kematian. - HR Muslim, Abu Daud dan Nasa’i*

Waktu untuk berziarah tidak dihadkan atau dikhususkan masanya. Tetapi sekiranya melawat qubur selepas solat hari raya hanya sekadar untuk menimbulkan semula kesedihan dan menyebabkan kepada ratapan maka perbuatan menziarah qubur itu adalah dilarang. Ini kerana hari raya adalah hari kemenangan yang perlu disambut dengan kesyukuran bukannya kesedihan dan ratapan.

8) Kesimpulan

Selepas menerangkan dengan panjang lebar mengenai hukum dan adab menziarahi qubur, maka kesimpulannya disini ialah bahawa perbuatan menziarah qubur pada masa kini terbahagi kepada 3 bahagian :

Ziarah Syar'iyah (menurut syari'at Islam)

Ziarah Syirkiah (syirik)

Ziarah Bid'iah (bid'ah)

a- Ziarah Syar'iyah (menurut syari'at Islam)

Golongan ini menziarahi qubur sebagaimana yang telah disyariatkan oleh Rasulullah SAW (sebagaimana menziarah qubur para sahabat yang telah mendahului Baginda), iaitu demi mengingati akhirat, sebagaimana yang telah disabdakan dalam hadithnya :

"عن ابى هريرة رضى الله عنه قال: زار النبی صلی الله علیه وسلم قبر امه فبکی وابکی من حوله فقال: استأذنت ربی فی ان استغفرلها فلم یؤذن لی واستأذنته فی ان ازور قبرها فاذن لی، فزوروا القبور فانها تذكرو الموت"

Maksudnya : *Dari Abu Hurairah ra. Katanya : " Ketika Nabi SAW berziarah ke qubur ibunya maka Beliau menangis dan orang-orang di sekitar Beliau pun menangis kerananya. Sabda Nabi SAW : " Ketika Aku minta izin kepada Tuhanku untuk memohonkan ampun bagi ibu, maka aku tidak diberikan izin olehNya, ketika aku menta izin untuk menziarahi quburnya maka aku diberi izin untuk menziarahinya, kerana itu berziarahlah ke perquburan, kerana hal itu dapat mengingatkan kepada kematian. - HR Muslim, Abu Daud dan Nasa'i*

Pada waktu berziarah buatlah kebajikan terhadap si mati, dengan mendoakan untuknya, agar Allah SWT mengampuni dosanya dan menempatkannya di sisiNya.

Sampaikan salam untuk saudara-saudara yang telah mendahului kita dengan ucapan :

"عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ , أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى الْمَقْبَرَةَ فَقَالَ : أَلَسَّالَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ وَإِنَّا إِنشَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ "

Maksud : *Dari Abu Hurairah ra bahawasanya Nabi SAW mendatangi perquburan seraya mengucapkan : “Aassalamualaikum Dara Qaumin Mukminin Wa ina Insyallah Bikum Lahiqun/Semoga salam sejahtera sentiasa tercurah kepada para penghuni perquburan orang-orang beriman, Insyallah kelak (kami akan menyusul)”* - HR Ahmad, Muslim, Abu Daud dan Nasa’i

Dengan itu penziarah telah berbuat kebajikan untuk dirinya sendiri (disamping mendapat pahala, serta mengingatkan dirinya tentang akhirat), juga telah membuat kebajikan kepada yang telah mati (dengan doa yang telah dipanjatkan kepadanya).

Sebagaimana hadith dari Uthman yang menceritakan saat Rasul SAW selesai dari pemakaman seorang sahabat yang baru meninggal, beliau berdiri di samping quburnya dan bersabda:

"عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ :كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا فَرَغَ مِنْ دَفْنِ الْمَيِّتِ وَقَفَ عَلَيْهِ فَقَالَ : اِسْتَغْفِرُوا لِأَخِيكُمْ وَاسْأَلُوا لَهُ بِالتَّثْبِيتِ فَإِنَّهُ أَلَانَ يُسْأَلُ "

Maksudnya : *Mohonlah keampunan bagi saudaramu ini dan mohonlah keteguhan, sesungguhnya ia sekarang sedang ditanya.* - HR Abu Daud, Al-Bazzar dan Al-Hakim

* Ringkasan Ziarah Syar’iyah :

Mengingati akhirat

Memberi salam untuk ahli qubur

Mendoakan untuk yang telah mati

b- Ziarah Syirkiah

Golongan ini berziarah disertai dengan amalan yang menjadikannya menyekutukan Allah SWT dengan yang mati tersebut. Ini adalah kerana penziarah berdoa dan meminta apa yang diinginkannya atau hajatnya kepada mayat di dalam qubur seperti jauh daripada musibah dan sebagainya. Tetapi bukan memohon kepada Allah.

وَمَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَمَنِ اعْبَدَ غَيْرَهُ فَأَكْثَرَ سُعْيًا وَمِنْ أَخْزَاءٍ وَهُمْ لَا يَسْتَدِينُونَ
وَمَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَمَنِ اعْبَدَ غَيْرَهُ فَأَكْثَرَ سُعْيًا وَمِنْ أَخْزَاءٍ وَهُمْ لَا يَسْتَدِينُونَ
وَمَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَمَنِ اعْبَدَ غَيْرَهُ فَأَكْثَرَ سُعْيًا وَمِنْ أَخْزَاءٍ وَهُمْ لَا يَسْتَدِينُونَ
وَمَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَمَنِ اعْبَدَ غَيْرَهُ فَأَكْثَرَ سُعْيًا وَمِنْ أَخْزَاءٍ وَهُمْ لَا يَسْتَدِينُونَ
وَمَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَمَنِ اعْبَدَ غَيْرَهُ فَأَكْثَرَ سُعْيًا وَمِنْ أَخْزَاءٍ وَهُمْ لَا يَسْتَدِينُونَ

Maksudnya : *Dan mereka menyembah selain daripada Allah apa yang tidak dapat mendatangkan kemudharatan kepada mereka dan tidak (pula) kemanfa`atan, dan mereka berkata: "Mereka itu adalah pemberi syafa`at kepada kami di sisi Allah". Katakanlah: "Apakah kamu mengabarkan kepada Allah apa yang tidak diketahui-Nya baik di langit dan tidak (pula) di bumi?" Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka mempersekutukan (itu).* Yunus : 18

Perbuatan seperti itu sangat sesat dan merugikan baik bagi diri penziarah kerana meminta kepada selain Allah , mahupun bagi mayat di dalam qubur kerana ianya menyimpang dari yang telah disyariatkan oleh Allah SWT maka yang mati tidak mendapat pahala dari doa penziarah.

Bahkan dengan demikian bererti penziarah telah melanggar perintah Allah SWT dan Rasul-Nya SAW, serta bertentangan dengan adab ziarah qubur yang telah disyariatkan.

Allah SWT telah berfirman :

وَمَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَمَنِ اعْبَدَ غَيْرَهُ فَأَكْثَرَ سُعْيًا وَمِنْ أَخْزَاءٍ وَهُمْ لَا يَسْتَدِينُونَ
وَمَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَمَنِ اعْبَدَ غَيْرَهُ فَأَكْثَرَ سُعْيًا وَمِنْ أَخْZَاءٍ وَهُمْ لَا يَسْتَدِينُونَ

Maksudnya : Dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang menyembah sembah-sembah selain Allah yang tiada dapat memperkenankan (do`a) nya sampai hari kiamat dan mereka lalai dari (memperhatikan) do`a mereka ?.

- Al-Ahqaf : 5

Daripada ayat ini dapat dilihat dengan jelas hikmah larangan mendirikan masjid di atas makam dan hikmah larangan solat di makam atau solat menghadapnya.

* Ringkasan Ziarah Syirkiyah adalah :

Memohon daripada yang telah mati

Meminta pertolongan (isti'anah) dari yang telah mati.

Thawaf mengelilingi quburan

Memotong haiwan di qubur demi si mati

Nazar atau yang seumpamanya semata-mata untuk si mati

c- Ziarah bid'iyah

Jika ziarah qubur bermaksud menyembah Allah SWT dengan harapan akan memperoleh berkat dari qubur tersebut, maka perbuatan itu adalah bid'ah yang diharamkan, kerana Rasul SAW telah melarang solat di makam demi mencegah syirik sekaligus menjauhkan dari apa yang akan mengakibatkan dosa syirik.

* Ringkasan Ziarah Bid'iyah ialah :

Memohon sesuatu kepada Allah dengan menjadikan qubur sebagai wasilah untuk mendekatkan diri kepada Allah

Mencari berkat dari qubur

Membangun tembok qubur yang tinggi dan memasang lampu

Membangun masjid (bangunan) di atas qubur

dan sebagainya yang telah dilarang atau yang tidak berdasarkan dalil.

Rujukan :

1. Al-Khatib as-Syarbini.As-Syeikh Muhammad , *Mughni al Muhtaj* . Beirut: Dar el-Fikr.
2. Al Malibari , Zainuddin bin Abdul Aziz , *Hasyiah I'annah Tolibin* . Beirut: Dar el-Fikr
3. Imam Jalaluddin Abdul Rahman Bin Abi Bakar Assayuti, *Al-Jami' As-Saghir*, 1981, Beirut : Dar el-Fikr.
4. Syeikh Manshur Ali Nashif Al Husaini, Terj: Yunus Ali Al Muhdhor,Dra Nurul Hanani,*At-Tajj Al Jaami' Li Ushuuli Fii Ahadithsir Rasuuli*, Jld.1, 1994, Jakarta : CV. Asy Syifa' Semarang.
5. Siti Hajar Ibrahim & Siti Sakinah Abd. Aziz, *Risalah Fiqih Wanita* , 1997, Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
6. <http://islamonline.net/fatwa/arabic/Fatwa>
7. http://www.geocities.com/salafyoon_online
8. <http://www.brunet.bn/gov/mufti>

**Disediakan : Jabatan Mufti Negeri Perak <http://mufti.perak.gov.my/>
muftiperak@perak.gov.my**

